



"AGUNGNYA AL-QURAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا
أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Pada kesempatan yang mulia ini, marilah kita pergunakan untuk meningkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah SWT. dengan menambah



ketaatan kita dalam melaksanakan segala perintah-Nya, sama ada perintah wajib mahupun yang sunat, dan menjauhi segala larangan-Nya, sama ada yang haram hukumnya ataupun yang makruh.

Tajuk khutbah kali ini ialah "**Agungnya al-Quran**".

Al-Quran adalah kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. melalui malaikat Jibril AS. Misi utama al-Quran adalah untuk membina, membentuk dan meningkatkan akhlak semua manusia supaya beriman kepada Allah SWT.

Allah SWT. telah menjelaskan tentang fungsi al-Quran, antaranya adalah sebagaimana firman-Nya dalam surah Yunus, ayat 57 :

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ
لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran daripada Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Hadis daripada Ibnu Abbas RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabdayang bermaksud:

"al-Quran diturunkan sekali gus oleh Allah ke langit dunia pada malam lailatul qadar kemudian diturunkan secara berperingkat-peringkat kepada Nabi Muhammad SAW oleh Malaikat Jibril AS".



(Riwayat al-Hakim, Baihaqi dan an-Nasa'i).

Al-Quran telah meletakkan akidah sebagai asas kehidupan manusia, iaitu suatu keyakinan dalam menempuh pelbagai kehidupan dengan bergantung kepada Allah SWT. meliputi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan. Sebagai contoh :

1. Dalam bidang ekonomi, umat Islam dikehendaki mengusahakan segala sumber-sumber ekonomi yang ada seperti tanah, modal dan kemahiran untuk bertani, berniaga dan sebagainya. Selain menampung keperluan nafkah, bakinya boleh disimpan dan dibelanjakan ke jalan Allah seperti zakat, wakaf, sedekah dan lain-lain.

Firmat Allah SWT. Dalam surah al-Baqarah ayat 267 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا
كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ...

"Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu..."

2. Dalam dunia pendidikan, Islam mewajibkan setiap lelaki dan perempuan menuntut ilmu, kerana ilmu merupakan senjata yang sangat diperlukan untuk berbakti kepada Allah dan membentuk sesebuah negara yang maju. Objektif pendidikan Islam adalah untuk membolehkan setiap Muslim memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan keluhuran akhlak. Bukan sekadar mengisi ilmu di dunia, tetapi apa



yang lebih penting daripada itu, al-Quran membimbing manusia menjadi insan Rabbani yang berguna kepada masyarakat dan negara. Justeru itu, Allah mengangkat martabat orang-orang yang berilmu dengan kemuliaan dan beberapa kelebihan.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Mujadalah ayat 11 :

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا
الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

"...dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan".

3. Dalam perkembangan pelbagai disiplin ilmu pula, al-Quran berfungsi sebagai sumber rujukan kerana ia merumuskan konsep ilmu yang syumul (komprehensif). Contohnya dalam bidang astronomi (kaji bintang). Sebab itulah al-Quran menggalakkan manusia menyelidiki dan memahami ciptaan alam semesta ini, supaya kita dapat merasakan betapa besarnya kekuasaan Allah yang telah menjadikan dan mengatur perjalanan segala cakerawala di alam jagat raya ini.

Firman Allah SWT. dalam surah Yunus ayat 5 :



هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا
وَقَدَّرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ
وَالْحِسَابَ ...

"Dia lah Yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah Yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa..."

4. Dalam disiplin ilmu fizik pula, al-Quran mencabar ahli-ahli sains fizik untuk mempelajari rahsia alam ini. Salah satu tajuk terpenting dalam kajian ilmu fizik ialah kajian mengenai cahaya. Kedudukan cahaya begitu penting kerana selain manusia memerlukan cahaya untuk melihat, cahaya juga adalah jisim yang memberi maklumat atau petunjuk tentang keadaan sesuatu pepejal (atom, nikols) bandingan nur hidayah sebagai petunjuk Allah.

Firman Allah SWT. Dalam surah Yaasin ayat 38 dan 39 :



وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ
الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾ وَالْقَمَرَ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ
كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾

"Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha mengetahui. Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Allah juga menurunkan al-Quran sebagai petunjuk dan peringatan agar manusia mengetahui bahawa kehidupannya itu, sebenarnya tidak terlampau bebas berbuat mengikut kehendak hati. Tetapi ada kuasa yang mengatur dan menentukan. Manusia hanya setakat dapat berusaha dan berikhtiar sahaja. Manusia boleh merancang, tetapi ketentuan berada di tangan Allah SWT.

Dengan sebab itu fungsi penampilan al-Quran, ialah apabila kita hendak mencari sesuatu petunjuk menuju ke jalan hidup yang paling benar, jawapannya tiada lain kecuali mengikuti petunjuk al-Quran. Demikianlah juga jika kita ingin menilai suatu perkara apakah hal itu akan membawa manfaat atau mudarat, dibenarkan atau tidak oleh Allah, maka jawapannya yang paling tepat semua terdapat di dalam al-Quran.



Sidang Jumaat yang dirahmati,

Hari ini kita berada dalam keadaan yang amat merugikan, disebabkan kita kurang memahami isi kandungan al-Quran. Ramai yang boleh membaca al-Quran dengan baik tetapi tidak faham maknanya. Dari kecil sehingga berusia kita hanya belajar membaca al-Quran. Dengan itu, menjadikan kita tidak memahami petunjuk al-Quran. Terdapat di kalangan kita yang membelakangkan ajaran al-Quran. Gejala sosial yang melanda umat Islam hari ini, merupakan satu contoh yang paling ketara. Di mana umat Islam membelakangkan al-Quran. Perangkaan menunjukkan orang-orang Islam terlibat dalam gejala sosial seperti zina, rogol, rasuah, rompak, minum arak, judi dan lain-lain adalah sesuatu yang memalukan. Secara jelas menunjukkan mereka ingkar dengan ajaran al-Quran. Allah SWT telah memberi amaran bahawa mereka akan dibalas dengan balasan buruk dalam kehidupan dunia lagi bagi mereka yang ingkar akan ajaran al-Quran.

Firman Allah SWT. dalam surah Taha ayat 124 :

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا
وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى

"Dan sesiapa Yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka Sesungguhnya adalah baginya kehidupan Yang sempit, dan Kami akan himpunkan Dia pada hari kiamat Dalam keadaan buta".

Sidang Jumaat yang dirahmati sekalian,



Marilah kita muhasabah diri, menginsafi diri kita. Adakah fungsi-fungsi al-Quran telah kita manfaatkan sebagaimana semestinya atau sebaliknya, adakah kita masih belum terbuka hati untuk menjadikan al-Quran sebagai acuan dasar dalam kehidupan kita? Atau kita baru mengambilnya sebahagian sahaja dalam hal-hal yang bersifat ibadah ritual, sementara dalam aspek kehidupan, yang lainnya tidak? Masalah ini penting kita kemukakan kepada diri kita masing-masing, kerana hal ini berkait rapat dengan kedudukan kita sebagai orang Islam. Rasulullah SAW. telah memberi ingatan kepada mereka yang mengabaikan pengajaran dari al-Quran.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda :

إِنَّ الَّذِي لَيْسَ فِي جَوْفِهِ شَيْءٌ مِنَ الْقُرْآنِ
كَالْبَيْتِ الْخَرِبِ.

"Sesungguhnya seseorang yang di dalam dirinya tidak tersemat sesuatu dari al-Quran adalah seperti sebuah rumah kosong".

Hadirin yang dirahmati sekalian,

Bayangkan bagaimana keadaan jiwa yang kosong, hidup tanpa pedoman dan tujuan. Betapa malangnya nasib jiwa itu, sekalipun secara jasmani nampak segala keperluan mencukupi, namun apa yang dirasakan hanyalah kekosongan dan kehampaan dalam batin dan jiwa. Itulah kesan kepada manusia yang tidak berpegang dengan akidah yang betul dan tidak mengambil petunjuk dan iktibar daripada al-Quran.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Justeru, marilah kita tingkatkan keimanan kita kepada Allah SWT. dan kitab al-Quran, antaranya adalah dengan :

1. Hendaklah memastikan anak-anak dan ahli keluarga kita boleh membaca al-Quran dengan baik.
2. Hendaklah berusaha memahami isi kandungan al-Quran dengan memdalami kitab-kitab tafsir al-Quran supaya memahami ajarannya melalui guru yang muktabar.
3. Hendaklah sentiasa menganjurkan pengajian dan kuliah-kuliah tafsir al-Quran di masjid-masjid, surau-surau, di pejabat-pejabat dan di rumah untuk menjadikan masyarakat kita memahami isi kandungan al-Quran, yang dapat dijadikan petunjuk kepada kita semua.
4. Kita hendaklah bersatu padu mempertahankan kesucian al-Quran dan menjelaskan kepada mana-mana pihak yang cuba hendak memesongkan pengertiannya daripada tafsiran yang sebenar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

"Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk memahaminya)".

(Yusuf : 2)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالٍ وَإِكْرَامٍ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللّٰهِ، اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايَ ذِي
الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيْكُمْ
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.